



2 September 2013  
2 September 2013  
P.U. (A) 278

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING  
(KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL)  
(PINDAAN)2013

*ENVIRONMENTAL QUALITY (CONTROL OF PETROL AND  
DIESEL PROPERTIES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING  
(KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2013.**

(2) Peraturan 2 mula berkuat kuasa pada tarikh penyiaran Peraturan-Peraturan ini.

(3) Peraturan 3 mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

**Pindaan peraturan 4**

2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007 [P.U. (A) 145/2007], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 4—

(a) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun” dengan perkataan “tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun”; dan

(b) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun” dengan

perkataan “tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun”.

### **Penggantian Jadual Pertama dan Kedua**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dan Kedua dengan Jadual yang berikut:

#### **“JADUAL PERTAMA**

[Perenggan 4(1)(a)]

Piawaian Petrol Malaysia

<b>(1) KANDUNGAN</b>	<b>(2) EURO 4-M</b>		<b>(3) KAEDAH UJIAN</b>
	<b>MINIMUM</b>	<b>MAKSIMUM</b>	
Plumbum, g/l		0.013	MS 1254
Penyulingan IBP, darjah C 10% peruwapan, darjah C 50% peruwapan, darjah C 90% peruwapan, darjah C FBP, darjah C Sisa, isipadu %	- - 75 - - -	Akan dilaporkan 74 115 180 215 2	MS 563
Tekanan Wap Reid, kPa	-	65	MS 2012
Jumlah Sulfur, mg/kg	-	50	ASTM D 5453
Benzen, isipadu %	-	3.5	MS 1894